



KENANGAN: Antara peserta yang merakamkan gambar kenangan sempena program berkenaan.

Kem 'Dare to Lead' UMS platform lahirkan pemimpin muda

UB 13.03.2023 P.08

KOTAKINABALU: Persatuan Mahasiswa Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (PMPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya menggalang Kem Kepimpinan Pemimpin Mahasiswa di sini baru-baru ini.

Program dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS itu dihadiri oleh seramai 29 peserta yang terdiri daripada pemimpin persatuan dan kelab di bawah

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) UMS.

Dekan FPEP Prof. Madya Dr. Mohd Rahimie Abd Karim berkata, program 'Dare to Lead' itu diadakan bertujuan mengasah bakat kepimpinan dalam kalangan barisan kepimpinan persatuan mahasiswa melalui pelbagai modul kepimpinan, komunikasi dan organisasi yang diterapkan," katanya.

yang dikendalikan oleh dua fasilitator bertauliah.

"Program ini dapat memupuk rasa kebersamaan dan kerjasama dalam sesebuah persatuan ataupun organisasi.

"Selain itu ia dapat menyerlahkan jati diri dan kualiti kepimpinan melalui pelbagai modul kepimpinan, komunikasi dan organisasi yang diterapkan," katanya.

Program berkenaan turut mendapat sokongan penuh Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS dan majlis perasmianya disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Raman Noordin.

Turut hadir, Pengarah Pusat Alumni UMS Dr. Arif Kamisan Pusiran dan Pengarah Program merangkap wakil MPP Pirdyro Sabinus.